

**ANALISIS TIPULOGI PRAPRU-14 DI SABAH:  
KAREKTER KOSMETIK DAN KOMENTAR KRITIS  
PREGE-14 ‘TIPULOGI’ ANALYSIS IN SABAH:  
COSMETIC CHARACTER AND CRITICAL COMMENTARY**

NORDI ACHIE

Pusat Penantaraan Ilmu dan Bahasa, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah  
*nordi@ums.edu.my*

**ABSTRAK** Analisis prapilihan raya merupakan antara entiti penting dalam wacana kepolitikan yang menghangatkan semangat dan kemeriahana suasana politik, dan dalam keriuhan musim inilah, munculnya penganalisis politik *kritistruktif* (kritis-konstruktif) mahupun *indiviologikal* (individualistik-ideologikal). Artikel ini bertujuan untuk memberikan pencerahan diagnostik terhadap analisis terpilih praPRU-14 di Sabah dan rangkuman aspek yang bersangkutpautan dengannya, berdasarkan pendekatan analisis substantif (kritikan luaran), bukannya analisis tekstual (kritikan dalaman), melainkan jika difikirkan perlu di bahagian-bahagian tertentu sebagai bahan bukti. Sebelum itu, dua rujukan harus dijelaskan. Pertama, semua analisis yang dikemukakan sebelum keputusan pilihan raya diisyiharkan ialah analisis prapilihan raya. Kedua, istilah ‘karakter kosmetik’ merujuk kepada individu dan institusi yang dijuluki sebagai penganalisis politik, tetapi mereka gagal memikul amanah analisis *kritistruktif*. Penulis mengajukan tiga persoalan asas. Pertama, apakah ‘analisis tipulogi’? Istilah ini tidak dicerakin secara skematik atau struktural seperti lazimnya dalam penulisan ilmiah, tetapi pemahaman tentangnya akan digarap secara kolaboratif dan kontinuitif menerusi kupasan selanjutnya. Kedua, apakah ciri-ciri analisis dan karakter penganalisis *kritistruktif*? Ketiga, penganalisis merupakan jurubicara kebenaran dan jurujuang keadilan, namun bentuk dan tahap analisis mereka (*indiviologikal*) tidak pun setara dengan pemerhati politik, atau lebih rendah lagi, sebagai penceloteh politik semata-mata. Apakah buktinya? Seterusnya, profesi (pangkat, gelaran) dan populariti seseorang tidaklah semestinya mencerminkan kualiti dan integriti keilmuan. Reaksi kritis penulis akan membuktikan kebenaran tesis ini kerana bukti tesis yang benar dengan sendirinya membuktikan tesis itu adalah benar.

**Kata kunci:** Tipulogi, praPRU-14, *indiviologikal*, *kritistruktif*, kosmestik, Sabah.

**ABSTRACT** *The pre-election analysis is considered as one of the significant entities in any political discourse which would heat up the spirit of a political setting. Observably, within the previous chaotic situation of the pre-GE14, ‘kritistruktif’ (critical-constructive) political analysts as well as ‘indivilogikal’ (ideological individualist) analysts were in existence. Hence, the aim of this article is to provide a diagnostic clarifications towards an analysis of the pre-GE14 in Sabah and its related issues. The analytical descriptions are based on a substantial approach, rather than a textual approach unless when a strong supportive evidence is needed. Before proceeding with the diagnostically clarification, two points need to be clarified. Firstly, the analysis that is presented before the results of the election is referred as the pre-election analysis. Secondly, the term ‘cosmetic character’ is referred to individual and institutional political analysts who at the same time have unsuccessfully performed the role of a ‘kritistruktif’ analysts. The writer has put forward three basic enquiries. First, what is the term meant by ‘tipulogi’ analysis? Second, what are the features of the analysis and the characteristics of a ‘kritistruktif’ analysts? These terminologies will not be described structurally or schematically as how they would be normally presented in an academic paper; but the comprehending of their significance will be dealt through a collaborative and a continuous mode all through the paper. Third, an analyst is regarded as a truth spokesperson and a justice contender. Nevertheless, the level and type of their analytical views (‘indivilogikal’) seemed incompatible with political observers or probably lower than this, known only as a political impetuous spokesperson. What are the evidences? As such, profession (designation and status) and popularity do not reflect the quality and integrity of an intellect. The writer’s critical views will prove the truth of the thesis, as such, a truth in a thesis is a truth itself.*

**Keywords:** *Tipulogi, pre-GE-14, indivilogikal, kritistruktif, cosmetic, Sabah.*

## **Praanalisis**

Suara rakyat ialah suara Tuhan. Suara cendekiawan ialah cahaya Tuhan.<sup>1</sup> Bagaimanapun, sesetengah penganalisis politik mengambil pendekatan neutral, padahal kebenaran ilmiah tidak bersifat neutral melainkan bagi kaum yang kulup kebenaran. Persoalannya, jika mereka mengambil pendekatan

berkecuali, kebenaran apakah yang mereka tegakkan atau mereka hanyalah menitipkan hipokrasi politik? Jika mereka berkecuali, bermakna mereka sendiri telah membina blok ketiga iaitu blok berkecuali. Kebenaran ilmiah jelas sifatnya sama ada putih atau hitam. Yang benar tetap benar. Yang salah tetap salah. Berkata benarlah meskipun pahit. Sepanjang musim PRU-14, penganalisis pro-BN kelihatan lebih menyerlah kelibat mereka dalam media arus perdana. Sebaliknya, sukar ditemui penganalisis yang memberikan harapan kepada Warisan (Parti Warisan Sabah) untuk memenangi PRU-14 (kecuali propagandis dan politikus Warisan sendiri). Dapat difahami, mereka enggan memberikan harapan kepada Warisan mungkin akibat kegusaran terhadap tekanan politik jika BN terus berkuasa atau tidaklah mustahil, merekalah yang terlalu penakut. Perlu ditegaskan, penganalisis harus memihak kepada kebenaran – tidak ada penengah atau jalan tengah. Penganalisis tidak harus memihak kepada parti melainkan pengampu dan pencacai. Justeru, analisis yang memihak atau kelihatan condong atau berbau bias terhadap parti tertentu, bukanlah analisis *kritistruktif* tetapi analisis tipologi. Analisis tipologi ialah perangkap Iblis.<sup>2</sup>

Dalam konteks ini, tidaklah menghairankan ketika berlakunya kegawatan politik (dan ekonomi), penganalisis politik (dan penganalisis ekonomi) dianggap kontroversial kerana analisis mereka sering tersasar daripada realiti politik (dan ekonomi). Jika realiti politik (dan ekonomi) – dalam situasi genting – menepati analisis mereka, itu hanyalah kebetulan sahaja. Namun, dalam realiti politik yang stabil analisis tidaklah menjadi cabaran canggih-manggih bagi para penganalisis kerana ciri-ciri umum subjek analisis (seperti corak pengundian) kebanyakannya masih sama. Sejak PRU-12, situasi politik di negara ini khasnya di Semenanjung mulai berpusar dalam arus kegawatan yang sukar diramal kerana hati manusia ialah tempat yang paling gelap untuk dibaca.<sup>3</sup> Di sinilah terletaknya cabaran sebenar bagi penganalisis. Suhu politik dan situasi pilihan raya menjadi tidak menentu: prestasi BN merosot dengan mendadak, pengaruh Pakatan Rakyat semakin meradak, sehingga berlakunya PRU-14. Bagaimanapun, pengampu politik yang memakai topeng penganalisis terus menularkan analisis fabrikatif. Analisis ini pula secara kebetulannya masih tepat dengan keputusan PRU-13, tetapi hancur-lebur dalam PRU-14. Bermakna, analisis sedemikian hanya mampu bertahan untuk atau dalam PRU-13 sahaja. Apabila datang kebenaran, runtuhi lah kebatilan.

## Paradoks

Keputusan PRU-14 di Sabah tidaklah mengejutkan, tetapi sememangnya luar biasa. Tidaklah mengejutkan bagi segelintir penganalisis politik, namun mencengangkan bagi kebanyakan penganalisis politik yang lain kerana analisis pra pilihan raya mereka bercelaru dan tersasar daripada keputusan pilihan raya. Ini bukanlah analisis, sekadar lontaran liaran dan lewahan, sesetengahnya dibaluti data empirikal (perhatian: istilah “empirikal” sering diperalatkan untuk mengaburi mata pendengar yang naif [lurus bendul]). Benarkah mereka ini penganalisis politik, jika matan analisis mereka dinilai secara kritis? Spesies penganalisis seperti ini bertularan di serata negara (sejak, 2008), merangkumi pensyarah (saintis politik atau saintis *paloitik*), jurnalis dan politikus, kesemuanya terangkat dengan gelaran panganalisis politik.

Mengapakah keputusan pilihan raya Sabah tidak mengejutkan? Hujahnya, sudah ada petanda-petanda jelas mengenai kejatuhan BN sejak PRU-2008 lagi. Ketika itu, BN bagaikan pokok besar yang sedang tumbang, hanya menunggu masa yang tepat untuk rebah menyembah bumi. Mengapa pula dikatakan luar biasa? Semasa PRU-14, berlaku pertembungan mancapenjuru di peringkat Parlimen dan DUN. Dari sudut logik politik, ia memberikan kelebihan (kemenangan selesa) kepada BN kerana undi pihak pesaingnya berpencaran, namun BN telah dikalahkan di seluruh negara (setakat menang di Perlis, Pahang dan Sarawak). Inilah fakta luar biasa dalam sejarah politik Malaysia.

Di Sabah, keputusannya juga luar biasa. BN dan Warisan sama-sama tidak dapat membentuk kerajaan. Jantung BN seakan-akan terhenti, nafas Warisan seolah-olah terputus. Tidak ada satu pun analisis politik di Sabah yang menepati atau hampir menepati atau setidak-tidaknya membayangkan situasi genting dan getir ini mungkin berlaku di negeri berkenaan. Mereka membuat analisis simplistik dan analisis populistik: (i) BN berpotensi menang, atau (ii) BN akan menang lebih besar atau mereka berdolak-dalik dengan mengatakan (iii) berlakunya persaingan sengit di kawasan-kawasan tertentu. Inilah identiti analisis tipologi, berdasarkan logik situasional semberono dan rasionalisasi politik dangkal. Dalam pada itu, sukar untuk mendengar

(atau membaca tulisan) para sarjana yang berani mengatakan: (i) Warisan berpotensi menumbangkan BN atau (ii) besar kemungkinan Warisan berjaya mengalahkan BN. Penulis sendiri, sebagai pemerhati politik memberikan pilihan kedua kepada Warisan untuk memenangi pilihan raya ini. Bermakna, penulis masih meletakkan harapan kepada Warisan untuk mengalahkan BN, sekalipun ruang dan peluangnya kelihatan sukar.

## Kerancuan

Analisis praPRU-14 yang melibatkan Sabah yang diajukan oleh *Malaysiakini* (<http://www.malaysiakini.com>) tidak berpasakkan rasionalisasi konstruktif dan justifikasi kritis, malah kekuatan dan kelemahan antara BN dan Pakatan Harapan (PH)-Warisan tidak dipertimbangkan serincinya. Dari segi matematik politik, dari manakah *Malaysiakini* mendapat angka-angka (peratusan) yang menggambarkan sokongan kepada parti-parti politik, dan atas dasar apakah angka-angka tersebut dikemukakan (kesemuanya tanpa justifikasi)? Ramalan politik bukanlah semata-mata tekaan atau teka-teki politik, tidak ada cara mudah untuk meramal. Ramalan memerlukan garapan [i] fakulti rasional dan fakulti imaginasi dengan [ii] ketajaman intuisi (firasat). Justeru, ramalan tidak dapat dipermudah-mudahkan. Sungguh menghairankan, tidak ada penjelasan tentangnya dalam analisis *Malaysiakini*. Apakah angka-angka ini jatuh dari langit? Analisis ilmiah tidak dapat dibina secara ilusi dan misteri. Perlu diingat, menggeluti analisis pra pilihan raya sesukar mencaturkan strategi perang. Kedua-duanya membabitkan analisis prognostik (peramalan). Pilihan raya merupakan perang demokrasi. Justeru, pemikiran penganalisis harus setara dengan strategis pilihan raya atau lebih tinggi arasnya, ibarat “buku bertemu ruas.”

Kedua, peramat yang mengatakan “BN akan kalah teruk pada PRU-14” dikenali sebagai Abu Ays (<http://www.jasduit.com>) dengan sentimen anti-BN, sinis terhadap PAS dan Parti Amanah Nasional (AMANAH), namun berlunak terhadap Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), peramat ini membuat tekaan melulu tetapi tepat. Terdapat juga ramalan merupu seperti kekalahan fatalistik PAS di Kedah, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Abu Ays turut menyenaraikan faktor-faktor utama (isu dan masalah) yang merugikan BN, tanpa menyedari, meskipun dia menyenaraikan 100 isu, ini hanyalah

semata-mata satu aspek sahaja dalam kompleksiti analisis pra pilihan raya. Sebaliknya, dia tidak pula menyenaraikan isu-isu yang merugikan PH-Warisan sebagai perbandingan saksama dan sejauh manakah isu-isu tersebut menyebabkan pengundi menyokong BN atau PH-Warisan? Pertimbangkan dua situasi ini sebagai contoh.

- (i) Tentang prasarana asas di luar bandar misalnya, jika pengundi dapat bersabar dengan BN selama sepuluh tahun, dapatkah mereka bersabar dalam tempoh 20 tahun? Abu Ays tidak menekuni situasi ini dan kesannya terhadap keputusan pilihan raya.
- (ii) Begitu juga dengan isu pengangguran dan kos hidup melambung (harga rumah, harga kereta, makan minum dan sebagainya) dalam kalangan pengundi muda. Jika mereka dapat bersabar lima tahun, dapatkah mereka bertahan sepuluh tahun lagi?

Pengundi muda berminda kritis, pengundi veteran konservatif. Dalam negara yang kaya, hidup mereka dihimpit kesukaran, tetapi politikus menikmati kemewahan. Harapan membekaskan kekecewaan. Semakin mereka berharap, semakin mereka dihamparkan. Padahal, Abu Ays menyedari peti undi merupakan tempat teraman untuk melepaskan kemarahan dan menghempas kehampaan mereka. Ramalan Abu Ays amat cetek, bagaikan ikan yang hanya berenang-reng di permukaan kolam, tanpa menyelam ke dasarnya, seperti dibuktikan tadi (tentang kekalahan PAS di beberapa negeri).

Dalam konteks ini, analisis data harus digarap bersama analisis rasional. Selain bergelut dengan (i) kebarangkalian menang atau kalah secara justifikatif, (ii) penganalisis harus menilai situasi pilihan raya bukan sekadar berlunaskan data di depan matanya sahaja, malah harus (iii) mempertimbangkan kemungkinan yang tidak mungkin berlaku kerana dalam politik tidak ada yang mustahil berlaku. Semua kemungkinan perlu diperhatikan secara saksama, tidak wajar diabaikan walaupun sebatang jarum. Data yang penganalisis nampak mungkin salah, walhal data yang penganalisis tidak nampak, mungkin itulah kebenaran yang dicari-cari. Penganalisis tidak seharusnya bergantung secara *per se* dengan analisis data (menerusi program atau sistem tertentu) seperti yang dilakukan Rafizi Ramlji-Invoke (<http://rafiziramlji.com>) dan Merdeka Centre (<http://merdeka.org>).

Benar bahawa teknologi dapat membantu mempermudah urusan manusia (termasuklah membuat analisis data), namun teknologi tidak dapat menggantikan keunggulan intelek manusia, buat selama-lamanya pada serba-serbinya. Meskipun kajian Invoke dan Merdeka Centre (tidak terkecuali kajian ilmiah di universiti) mempunyai tahap keterperincian analisis data yang canggih, tetapi tanpa diperkuuh dengan analisis rasional (kritis dan konstruktif), kredibiliti kajian mereka layak dipertikaikan. Kajian sedemikian lazimnya dibeliti dua kelemahan ketara: (i) analisis toksik – mudah disangkal, sukar dipertahankan dan (ii) analisis ambiguitif – lebih banyak menimbulkan keraguan berbanding keyakinan. Bukti-bukti berikutnya, dikutip menerusi media maya. Berdasarkan pengamatan penulis, mancaanalisis pra PRU-14 (termasuklah tentang Sabah), pada prinsipnya tidak ditunjangi rasionalisasi (pewajaran) dan justifikasi (penjelasan). Sekadar menyebut beberapa contoh terpilih:

- Sukusakathangtuah (<http://sukusakat-hangtuah.blogspot.com>)
- Penyu Sakti (<https://penyusakti.wordpress.com>)
- Kadir Dikoh (<http://www.bhplus.com.my/kolumnis>)
- FMT Reporters (<http://www.free.malaysiatoday.com>)

Meskipun prognosis mereka ada kalanya tepat, tetapi ramalan sedemikian (meskipun tepat seribu kali) tidak memiliki nilai ilmiah. Bagi para sarjana, kajian seperti ini tidaklah layak dijadikan sebagai sumber rujukan melainkan sebagai bahan kritikan atau untuk tujuan perbandingan kritis. Hanya besi yang dapat memotong besi. Sebaliknya, analisis ilmiah biarpun tidak tepat (walaupun sekali), tetap mempunyai nilai ilmiah kerana menyemarakkan pemikiran *kritis* dan menyuburkan kegiatan kesarjanaan. Sebenarnya, kajian ilmiah tidaklah sempurna. Dalam pada itu, hasil analisis ilmiah yang tidak tepat masih dapat diperbaiki kerana analisis ini didasari oleh prinsip-prinsip kajian ilmiah, namun botol air yang kosong (analisis tipologi) tidak akan dapat mengisi air ke dalam botol yang lain. Setakat ini, banyak kajian ilmiah di universiti yang mendapat dana tertentu, hanya sarat dengan data tetapi tandus dengan analisis *kritis*. Kajian mereka hanya bersifat reportif dan repetatif (sekadar tajuknya berbeza, bentuknya masih serupa). Puncanya, mereka culas berfikir pada tahap pemikiran abstraksi yang tinggi. Jika penilaian semula dilakukan terhadap kajian-kajian ini (setebal mana pun laporannya), tidaklah mustahil terbongkarlah kecuaian mereka. Di sinilah

terletaknya perbezaan antara profesor longkang dengan profesor *kritistruktif*, antara kajian ayam putih (indah khabar dari rupa) dengan kajian ubi berisi (sukar didapati, nilainya tinggi).

## Kepalsuan

Kesilapan BN mudah difahami. Parti ini sudah terbiasa disogokkan dengan analisis melodramatik yang disangkanya analisis konstruktif (bernas dan berasas). BN tidak dapat membezakan antara dua aspek ini: (i) analisis yang dibuat ketika situasi politik stabil dengan (ii) analisis yang dilakukan ketika situasi politik bergolak. Lebih parah, para penganalisis itu sendiri pun bersikap sambil lewa (ambil mudah) dengan kedua-dua situasi politik yang berbeza ini. Mereka masih menggunakan prinsip dan pendekatan analisis yang sama, padahal suasana politik telah berubah dengan ketara. Di sinilah terletaknya kesilapan (jika bukan keduguan) para penganalisis berkenaan. Jika mereka mencaknai pemikiran Sun Tze dan Rolf Dobelli, banyak panduan analisis *kritistruktif* yang dapat dipelajari (untuk butiran lanjut, rujuklah kedua-dua karya monumental ini).

Kebijaksanaan memang penting, tetapi berfikir mengikut situasi yang berbeza, lebih bijaksana lagi. Natijahnya, PRU-14 telah mendedahkan ketemberangan analisis tipologi lantas mengakibatkan terdedahlah tembelang penganalisis yang berhidung belang itu sendiri. Keputusan PRU-14 di Sabah dengan jelas memberikan pengajaran pahit tetapi benar kepada penganalisis kosmetik: analisis politik tidak harus dilakukan secara semberono (ikut sedap mulut, asalkan sedap didengar). Analisis politik bukanlah proses intelek simplistik (dibuat secara spontan atau secara rambang), sekalipun dengan berlunaskan data-data empirikal – biar betapa pun rincinya – masih tidak memadai untuk menghasilkan analisis *kritistruktif* melainkan dipertajam dengan kewaspadaan pengamatan dan ketelitian penekunan. Jika tidak, hasilnya nihilistik. Sebenarnya, sukar untuk membuat analisis politik prapilihan raya kerana apa yang terdetik dalam hati pengundi, tidak ada sesiapa pun yang tahu. Apa yang berlegar-legar dalam benak mereka, tidak ada penyuluhan yang dapat mencerahinya.<sup>4</sup> Seperti dinyatakan tadi, pelbagai pihak kebingungan dengan keputusan PRU-14, khasnya BN Sabah, namun mereka sendiri enggan mengakuinya secara terbuka. Mengapa?

- Pertama, mereka terlalu percaya sekali gus terbius dengan analisis tipologi prapilihan raya (lebih tinggi sedikit arasnya berbanding omong-omong kosong atau hampir menyerupainya atau sekadar cakap lepas sahaja) yang berlegar-legar menerusi media massa dan media maya, apatah lagi analisis lunak yang memerangkap BN. Penganalisis berkenaan merupakan pengampu dan pencacai sahaja, bukannya penganalisis ilmiah.
- Kedua, pemikiran mereka telah ditemburungi persepsi parokial (tidak kurang dan tidak lebih): BN menang, Warisan kalah. Malah, tidak terlintas dalam kawah fikiran mereka, Warisan mampu membuat kejutan dan meraih kemenangan atau mampu mengimbangi pengaruh BN (sekiranya Warisan tewas).
- Ketiga, pelbagai analisis palsu (disangka berwibawa, tanpa disedari) telah membenggu pemikiran mereka sehingga mereka gagal berfikir di luar kotak (catatan: BN sendiri kelihatan terlalu yakin dengan kemenangan mereka, bukan setakat menang besar malah menang bergaya).

Berikutnya kejutan ini, pihak yang menconteng arang di mukanya sendiri ialah individu (dan firma pemikir) yang dijuluki sebagai penganalisis politik. Yang mengiktiraf mereka ini sebagai penganalisis bukanlah penganalisis *kritistruktif*, tetapi pihak media massa. Lazimnya, pandangan atau tulisan mereka tersiar menerusi media cetak dan media elektronik. Padahal dalam dunia akademik, integriti dan kualiti kajian mereka sering dicebeli (kalaupun tidak dicemuh) kerana kajian mereka sifar analisis kritis dan konstruktif. Sungguhpun demikian, di mata masyarakat awam dan warga politik, analisis mereka dianggap berwibawa atau layak dipercayai. Mengapa?

## **Hiperhipokrit**

Menjelang PRU-14, mereka mengulas atau menulis atas nama pensyarah politik (saintis politik malah profesor politik) dari universiti atau institusi pemikir tertentu. Paling popular, Majlis Profesor Negara (MPN). Berbekalkan gelaran dan pangkat ini, analisis mereka dengan mudahnya dipercayai dan

menarik perhatian pendengar atau pembaca. Masyarakat awam pula menjadi mangsa analisis dangkal kerana mereka jahil tentang analisis ilmiah. Justeru, apabila analisis tipologi ini bercanggah-manggah dengan keputusan PRU-14, terjejaslah kepercayaan masyarakat awam (terhadap analisis yang mereka angkat sebagai pegangan politik sebelum ini), dan terhakislah penghormatan mereka terhadap institusi ilmu di negara ini angkara analisis murahan yang tersebar secara meluas. Ketika itu, barulah masyarakat awam sedar analisis tipologi yang disogokkan kepada mereka hanyalah nujum pak belalang (jika tepat) atau ramalan nombor ekor (jika salah). Sejujurnya, penulis sendiri pernah mendengar keluhan ini pasca PRU-14. BN Sabah turut terfana kerana analisis rencahan ini (dengan harapan melangit) telah mengakibatkan BN Sabah berperang dalam PRU-14 dengan keyakinan melulu sehingga BN Sabah meremehkan tuah politik Warisan. Dalam situasi begini dan pada takat ini, layakkah MPN menggalas peranan berat sebagai penganalisis politik atau sebagai badut politik sahaja? Berani menebang, beranilah memikul.

Seterusnya, analisis praPRU-14 di Sabah, seperti dikemukakan Lee Kuok Tiung (Pensyarah Kanan dari Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah), dihendaki pelbagai kerancuan (<http://www.bernama.com>).

- Pertama, analisis tidak ditunjangi rasionalisasi – sekadar mengatakan berlaku ‘persaingan sengit’ di DUN tertentu atau ‘perlawanannya di jangka hebat’ antara calon tertentu, kemudian noktah (tanpa rasionalisasi tertentu) tidaklah memadai, apatah lagi sebagai individu yang bergelar ‘penganalisis politik.’ Sekadar menyebutkan data tertentu (keputusan PRU-13), tidaklah menepati piawai analisis ilmiah. Apakah Lee ketandusan idea atau kekeringan ilmu dan hujah? Kelemahan analisis seperti ini tersebar secara meluas menerusi media maya dan media arus perdana. Tidak ketinggalan, analisis dangkal yang dilakukan firma penyelidik dan propagandis parti politik, seperti disentuh nanti.
- Kedua, analisis tergantung tanpa justifikasi – terdapat banyak contoh, penulis hanya memilih satu sahaja (memadai): sekadar mengatakan tindakan Shafie bertanding di DUN Senallang buat pertama kalinya sebagai ‘menarik,’ sebenarnya tidaklah menarik, jika dinilai dari

perspektif analisis ilmiah kerana Lee tidak memberikan penjelasan untuk menjawab persoalan: mengapakah dikatakan ‘menarik’ dari sudut ilmu politik, sejarah, psikologi, komunikasi dan sebagainya? Jika dikatakan menarik kerana mereka merupakan sepupu (Shafie dan Nasir). Ini hanyalah perspektif kekeluargaan. Jika dikatakan menarik kerana ini merupakan percubaan pertama Shafie (seperti dipetik tadi), ini hanyalah faktor masa dan jawapan cetek sahaja. Lee harus membuat pemerahan intelek untuk menjawab persoalan ini selangkah ke depan. Kredibiliti analisis Lee layak dipersoalkan. Begitu juga dengan ramai penganalisis lain yang bergelar pahlawan maya (bukunya akan disertakan).

- Ketiga, logik bercanggah dengan fakta – Lee mengatakan, “Walaupun Semporna kubu kuat BN, namun, saya menjangka[kan] persaingan pada pilihan raya kali ini sengit kerana Shafie sudah lama berkhidmat sebagai anggota Parlimen di kawasan itu... ini mungkin agak mencabar buat BN.” Secara logiknya, mustahil persaingan antara BN dan Warisan di Semporna layak dikatakan ‘agak’ mencabar buat BN, padahal Lee sendiri mengakui (i) persaingan kali ini ‘sengit’ dan Lee turut menyedari (ii) Shafie mempunyai pengaruh politik yang besar di sana. Pernyataan ini saling bercanggahan antara satu sama lain. Tidakkah Lee menyadarinya? Sungguhpun demikian, keceluaran analisis yang dilakukan pahlawan maya dan propagandis politik (ada kalanya) lebih kritikal kerana mereka tidak dilatih berfikir secara ilmiah, di samping tidak menghadami jiwa dan minda pengundi – sekadar mencicipinya sahaja.

Sukar dipastikan, kelemahan-kelemahan di atas berpuncak daripada Lee atau pihak editor Bernama (Berita Nasional). Setiap penganalisis berhak meminta pihak editor menyerahkan pruf untuk disemak terlebih dahulu oleh penganalisis sebelum analisis tersebut disiarkan. Jika kelemahan mencolok ini berlaku di luar kawalan, kita dapat memahami keterbatasannya. Dalam situasi ini, mengambil peranan sebagai penganalisis politik lebih berat pertanggungjawabannya berbanding sebagai pemerhati politik. Ukurlah baju di badan sendiri. Betapa pun demikian, jika pensyarah universiti culas berfikiran kritis atau sengaja mengabaikan analisis kritis, kecuaian ini mesti dan dapat diatasi menerusi kerja keras dan kerajinan luar biasa (bukannya bersikap ambil

mudah terhadap kualiti dan integriti ilmu). Perlu difahami, membuat analisis pra pilihan raya lebih sukar berbanding membuat analisis pasca pilihan raya atau analisis isu semasa kerana analisis pra pilihan raya dilakukan secara abstrak (keputusan pilihan raya belum diketahui). Bukankah sukar?

Ini berbeza dengan hipokrasi politik MPN – memalukan dunia akademik. Bukti klasiknya: (i) negara ini masih miskin dengan ciptaan sains kerana profesor aliran sains gagal menyemarakkan pemikiran inovatif dan kreatif. Lantaran itulah, isu kelesuan akademik di universiti pernah dibangkitkan pada 1980-an. Namun, aneh sekali biarpun bilangan profesor sains terus meningkat, tetapi mereka gagal menghasilkan ciptaan sains yang dapat membanggakan Malaysia. Dalam bidang perubatan dan kejuruteraan misalnya, kita masih melutut dengan negara asing – teknologi, kepakaran dan ubatan. (ii) Betapa ramai bilangan profesor ekonomi di negara ini, tetapi ketika berlakunya kegawatan ekonomi, profesor ekonomi gagal memberikan solusi genius kepada kepemimpinan negara untuk memulihkan ekonomi Malaysia. Jelas, kerancuan kredibiliti (kualiti dan integriti) MPN mengakibatkan rakyat hilang kepercayaan terhadap institusi ilmu. Seluruh universiti diwabaki parasit! Nampaknya, Kerajaan PH-Warisan berdepan dengan cabaran yang besar dan bebanan yang berat.

## **Pemuhasahan**

Sebagai penjelasan analogikal – dari sudut falsafah sejarah Ibnu Khaldun (Ibnu Khaldun, 2002), apakah petanda-petanda turus kekalahan BN di Sabah? Persoalan ini dikesampingkan dalam manacaanalisis praPRU-14. Antaranya (sekadar menggarisbawahi beberapa aspek) ialah;

- Pertama, BN mengabaikan pengaruh Warisan, padahal momentum Warisan berpotensi berubah (secara masif dan drastik) menjadi gelombang gerakan dan perubahan politik rakyat. Jika kamu melihat ombak, jangan kamu melupakan angin yang menggerakkannya. Di sinilah terletaknya kecuaian propagandis politik kerana mereka melupakan angin yang menggerakkan ombak perubahan. Natijahnya, BN menjadi kurang serius dalam menghadapi persaingan Warisan sehingga BN gagal mengekalkan kemenangannya di Sabah. BN

memecut dengan laju sebelum PRU-14, namun akibat terperangkap dalam zon kemenangan fiktif (seperti dipropagandakan menerusi analisis tipologi), akhirnya BN tersungkur dalam ibu segala pilihan raya ini. BN – parti dewata dan UMNO – parti keramat, diaibkan di Sabah. Sebaik-baik iktibar ialah kisah kura-kura mengalahkan arnab yang sompong bongkak itu. Takdir kekalahan mengaramkan strategi lautan biru BN.

- Kedua, BN gagal menyelesaikan masalah dan menyantuni keperluan asas rakyat: belanja dapur yang tinggi, makan minum dicatu, poket mengering perut berkeroncong, bil melambung tabung mengosong. Rakyat terdesak, terhimpit ke jalan buntu. Akhirnya, rakyat mencari jalan keluar. Langkah pertama, menolak BN. Langkah kedua, satu-satunya pilihan yang mereka ada ialah menyokong parti-parti pesaing BN, khasnya Warisan. Adakah rakyat wajar dipersalahkan atau BN sendiri yang menggadaikan kemenangannya? BN menjual, rakyat membeli. Kecuaian BN jelas mengakibatkan rakyat hilang kebergantungan dan hancur kepercayaan terhadap parti ini. Soal budi dan jasa BN terhadap rakyat dan negara selama ini tidak dapat menebus keperitan hidup yang mereka alami. BN bermula dengan senyuman, disudahi dengan sesalan. Takdir kehancuran merobekkan kubu pertahanan BN.
- Ketiga, lebih parah lagi, BN terbuai dengan pembangunan mega, projek mewah dan bangunan megahnya, padahal (kali ini) rakyat melihatnya sebagai lambang keangkuhan BN kerana projek-projek tersebut tidaklah semestinya bermanfaat kepada rakyat sekalipun satu sen. BN terpedaya dengan kekuatan pengaruh wang (dalam pelbagai bentuk) yang ditaburkannya dalam pilihan raya, padahal (kali ini) rakyat menganggapnya sebagai hak mereka sendiri yang tidak semestinya dibalas dengan undi. Sumbangan BN disambut, tetapi panggilan BN tidak bersahut. Senjata makan tuan. Tuah menjadi tulah. Ternyata, BN gagal menginsafi penderitaan rakyat. Takdir pembalasan menghukum BN. Betapapun demikian, BN-UMNO masih belum berkubur, jauh sekali ditalkinkan. Parti ini masih berpeluang untuk bangkit semula. Hakikat ini menjadi cabaran dan peringatan buat Warisan.

- Keempat, BN gagal menangani pengaruh situasi radikal (sejak 2008) dalam PRU-14, iaitu kebanjiran pengundi muda dan pengundi baharu yang marah, berang, kecewa dan geram terhadap BN akibat pelbagai isu dahsyat (salah guna kuasa, korupsi, pengangguran dan sebagainya). Kesemua isu kritikal ini memusnahkan reputasi dan meluluhkan respektasi terhadap BN. Kemarahan rakyat lebih berbahaya daripada gunung berapi. Strategis BN meremehkan kebenaran ungkapan ini lantas terjerumus dalam dua kesilapan: (i) generasi radikal ini tidak semestinya dapat dibeli dengan budi politik dan diancam dengan politik drakula (ditakuti dengan anarki politik jika BN kalah), dan (ii) strategi kemenangan yang sama menjadi lapuk dan tumpul apabila digunakan berulang kali seperti politik wang, politik pembangunan, politik drakula dan sebagainya. Semasa PRU-14, mereka menuangcurahkan sentimen anti-BN atau anti-Najib atau anti-Musaman ke dalam peti undi, sekali gus memenangkan Warisan, kendatipun Warisan belum pernah berbudi dan berjasa terhadap mereka. Warisan ialah saudagar harapan. Takdir kelumpuhan meragut BN.

## **Kelompongan**

Seterusnya, analisis politik dwi-Awang dari Sarawak (Awang Azman Awang Pawi dan Awang Bolkiah Ali), menarik untuk diperhalusi. Analisis politik Awang Azman (Profesor Madya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya) ditandai lima kerompongan (<https://sarawakvoice.com>).

- Pertama, analisisnya (tentang situasi pilihan raya di Sabah) – sekadar berdasarkan ‘populariti undi’ dan ‘jumlah undi’, ini merupakan pertimbangan sempit. Kedua, tentang ‘Analisis Kerusi Panas,’ Azman hanya memaparkan (salin dan lekat) data-data tersurat, tanpa mencungkil sesuatu yang tersirat di sebaliknya.
- Ketiga, berkaitan analisis Azman terhadap tujuh kerusi panas (Parlimen Beaufort, Kota Marudu, Keningau, Tenom, Pensiangan, Penampang dan Semporna), sebenarnya tidak ada sebarang analisis dikemukakan: sekadar mendekak-dekakkan data (campur tolak undi BN dan parti-parti pesaing), kemudian Azman menyimpulkan BN menang tipis kerana

parti-parti pesaing BN berpecah dalam pilihan raya. Yang dilihatnya sebagai panas hanyalah dari segi angka sahaja – tidaklah memadai. Azman mengabaikan justifikasi dan rasionalisasi dalam analisisnya.

- Keempat, terkhas tentang Parlimen Beaufort, Azman menegaskan “suasana politik ini [Azizah Mohd Dun, BN, hanya menang tipis dengan majoriti 673 undi pada PRU-13] menjadi mimpi negeri BN pada PRU [14] akan datang.” Sebaliknya, setelah keputusan PRU-14 diisyiharkan, nyatahal tidak ada mimpi negeri buat BN kerana Azizah menang dengan majoriti undi yang lebih besar iaitu 3,331 undi.
- Kelima, Azman meragui kemampuan Shafie-Warisan untuk mengalahkan BN Sabah apatah lagi dalam keadaan parti-parti pesaing BN masih berpecah-belah. Ujarnya dengan nada hambar, “Sejauh manakah pula politik personaliti Shafie Apdal berjaya melakukan perubahan dalam landskap politik pembangkang di Sabah. Kini semua tumpuan terletak pada politik personaliti Shafie Apdal.” Perhatikan dua aspek ini. (i) Meskipun Shafie gagal menyatukan barisan pesaing BN, namun BN juga gagal berkuasa semula di Sabah. (ii) Azman begitu menekankan persoalan ‘politik personaliti’ Shafie, tetapi tidak ada analisis diberikannya.

Awang Bolkiah Ali memberikan analisis autoritarianistik (kita dipaksa menerima satu dikri politik sahaja: BN menang, pembangkang kalah), di sebalik tajuknya yang menggemparkan, “PRU-14: Pembangkang tak akan menang selagi rakyat Sabah, Sarawak terus sokong BN” (<https://sarawakvoice.com>).

- Pertama, Bolkiah terlalu yakin BN akan berkuasa semula selepas PRU-14 kerana “Sabah dan Sarawak pasti terus menjadi penyumbang utama kerusi Parlimen”. Tambahan pula, “Sejak 1970-an lagi, kedua-dua negeri ini menjadi kubu kuat [BN] dan kedudukan itu tidak akan tergugat. Melangkah ke hadapan, tidak akan berlaku anjakan atau perubahan besar di Sabah dan Sarawak pada PRU [14] nanti.” Inilah antara mantera anestetik (ungkapan memukau) yang amat disukai BN, namun analisis fabrikatif seperti inilah yang membunuh BN pada PRU-14. Yang manis, jangan terus ditelan. Yang pahit, jangan terus dibuang.

- Kedua, atas dasar apakah Bolkiah terlalu meyakini kemenangan BN? Di sini, Bolkiah mengajukan analisis klise iaitu faktor politik pembangunan: “Perdana Menteri kerap melawat pedalaman Sarawak dan Sabah ... Peruntukan lebih besar disalurkan untuk jalan raya, bekalan api dan air bersih.” Persoalannya, apakah peruntukan tersebut benar-benar sampai kepada rakyat, tidak pula diperhalusinya? Ini merupakan analisis tohor, begitu juga dengan aspek berikutnya.
- Ketiga, Bolkiah hanya melihat kelemahan pakatan pembangkang, misalnya dari aspek jentera parti dan pilihan raya. Pakatan pembangkang dikatakan, “tidak mempunyai banyak cawangan di luar bandar” dan “[k]etiadaan jentera akar umbi” yang hebat, tetapi penganalisis geliga ini tidak pula mengimbanginya dengan melihat kelemahan BN dalam pelbagai aspek. Bolkiah hanya nampak kuman di seberang laut, namun dia tidak nampak (atau sebenarnya buat-buat tidak nampak) gajah di kelopak matanya sendiri. Tegas Bolkiah lagi, “Dengan terbatasnya keupayaan pakatan pembangkang dari banyak segi berbanding BN” di Sabah dan Sarawak, justeru penganalisis itu menyimpulkan, “impian untuk merebut kuasa dari BN adalah sesuatu yang mustahil, setidak-tidaknya pada PRU-14 nanti.” Benar bagi Sarawak, batil bagi Sabah.

Mengimbas semula PRU-12 (2008), ketika penulis diminta oleh para siswa (kursus Hubungan Etnik) untuk memberikan pandangan prediktif tentang masa depan BN dan Pakatan Rakyat, penulis melakarkan pandangan berdasarkan empat asas ilmiah, iaitu (i) hukum kitaran dinasti, (ii) falsafah sejarah Ibnu Khaldun, perspektif Yin-Yang (Fung Yu- Lan, 2006) dan seni perang Sun Tze (Sun Tzu, 2014) dalam analisis politik. Berasaskan pengamatan ini, penulis menjangkakan perubahan kerajaan pasti berlaku sama ada (i) dalam tempoh 50 tahun atau (ii) dalam tempoh lima kali pilihan raya, jika pengundi bukan Melayu dan pengundi muda, terus memberikan sokongan besar kepada Pakatan Rakyat. Bagaimanapun, penulis melanjutkan, jika BN berjaya memperbaiki reputasi dan respektasinya di mata rakyat, khasnya pengundi Cina dan pengundi muda, peluang untuk Pakatan Rakyat menang menguncup semula, namun Pakatan Rakyat tetap mempunyai asas sokongan (pengundi akar) yang kuat di seluruh negara. Masa berlalu. Semakin banyak bahana politik menerkam BN bertubi-tubi. BN hanya mengelak, tidak

menyelesaikan masalah. BN dimomokkan sebagai ‘Bebanan Negara’ (mesti ditumbangkan) dan ‘Budak Nakal’ (mesti dihukum).

Bahaya selalu datang dalam kegembiraan. Akhirnya, rejim BN ditumpaskan lebih awal, dan paling penting, ekstrapolasi penulis masih berada dalam kerangka masa yang dilakarkan tadi. BN kalah tidak lebih daripada sepuluh tahun sejak berakhirnya 2008 menerusi dua pilihan raya umum berikutnya. Begitu juga di Sabah, BN tewas dalam keadaan kuasa wang, media arus perdana, agensi kerajaan dan jentera parti, kesemuanya dikerahkan untuk mengekalkan rejim BN. Sungguhpun penulis tidak dapat meramal dengan tepat tahun ketumbangan BN, malah sesiapa pun tidak mampu melakukannya (melainkan sekadar tekaan atau mungkin dengan bantuan ilmu sihir), namun hasil analisis penulis tidaklah bercanggah dengan realiti politik. Di sinilah terletaknya kelebihan analisis ilmiah (kritis dan konstruktif) yang tidak harus diabaikan, kendatipun sukar untuk dikendalikan. Seluruh kajian ilmiah adalah susah-payah. Jika para sarjana dan penganalisis politik di serata tanah air serius untuk membina pemikiran *kritistruktif*, dengan tahap pemikiran analatikal dan abstraksi tinggi, tekunilah (antaranya) karya monumental Alattas (Alattas, 1991), Za’ba (Za’ba, 1980) dan Hamka (Hamka, 2006). Setakat ini, belum ada satu pun pemikiran (dan karya) MPN yang setanding dengannya.

## **Prinsip**

Perlu ditegaskan, penganalisis *kritistruktif* mempunyai dasar perpegaungan (karakter) tertentu: (i) tidak mudah memberikan pendapat (ulasan atau komentar), (ii) tidak berwenangan melakarkan pilihan justifikatif dengan pelbagai kemungkinan berasas, (iii) tidak mengambil jalan singkat untuk menilai situasi politik, (iv) mereka lebih banyak diam (berfikir) daripada bercakap, (v) lebih banyak ragu daripada yakin, (vi) berfikir secara mendalam dan menyeluruh, bukannya berceloteh (merapu-rapu) dan bercanda (meleret-leret) dengan analisis yang hanya layak menjadi tahi telinga sahaja. Sebaliknya, ramai penganalisis, mazhab penyelidik dan firma pemikir (begitu juga dengan pensyarah universiti) mudah terpedaya dengan jumlah responden dan data soal selidik. Terdapat dua punca yang berangkaian.

- Pertama, jika majoriti responden (sama ada penyelidik menyadarinya atau tidak, atau mereka sengaja meremehkannya) memihak kepada parti A (sebaliknya antiparti B), justeru hasil kajian mereka akan bersifat suprabais terhadap parti A (begitu juga sebaliknya). Hal ini merupakan analisis mentah dan data dosa kerana menelurkan kepalsuan. Jika amanah diserahkan kepada orang yang bukan ahlinya (khianat terhadap amanah ilmu), tunggulah saat kehancuran.
- Kedua, mereka terlalu teruja (atau sebenarnya mereka malas bersusah-payah) dengan kelebihan kaedah soal selidik dan timbunan data kuantitatif, tanpa mereka mewaspadai kelemahannya. Kemudian, mereka pun membuat analisis logik luwes yang didakwa analisis ilmiah. Sandiwara apakah ini? Jika benar mereka tidak menyedari kelemahan ini, mereka benar-benar cuai (dan kecuaian ini tidak layak dilakukan) kerana setiap kaedah dan pendekatan dalam kajian ilmiah mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Akibatnya, analisis cincai yang berkosmetikkan data empirikal hanya memperdayakan pelbagai pihak.

Berbalik kepada analisis tipulogi: Benarkah analisis tipulogi berkaitan dengan atau dipengaruhi faktor karakter (personaliti) individu? Apakah personaliti penganalisis atau benarkah personaliti mencerminkan pemikiran? Persoalan ini pernah dikupas oleh filosofis *Fakhruddin ar-Razi* dalam karya klasiknya, *Kitab Firasat* (Ar-Razi, 2015). Oleh sebab ruangan makalah yang terhad, justeru aspek ini perlu disentuh menerusi kupasan berasingan. Penulis percaya penganalisis tipulogi tidak pernah menelaah karya ini. Kitab fisiognomi ini (dirujuki sarjana Barat seperti Michael Scott, Gerolamo Cardano dan Giambattista Della Porta) membantu kita mentafsirkan pemikiran dan keperibadian seseorang menerusi perwatakannya.

Untuk membezakan antara analisis *kritistruktif* dengan analisis tipulogi, persoalan ini perlu diajukan: Sejak bilakah kajian mereka dimulakan? Jika kajian mereka dimulakan menjelang pilihan raya (beberapa bulan sebelumnya) hatta setahun dua sebelum pilihan raya, jangka masa ini sebenarnya terlalu singkat atau terlalu lewat, dan justeru kerana itulah, analisis politik mereka menjadi sumbang dan sumbing. Apakah kewibawaan analisis yang dibuat dalam tempoh yang singkat ini? Semasa musim pilihan raya, mereka harus

turun padang bersama calon dan jentera parti. Masa semakin suntuk. Bagi penganalisis politik *kritistruktif* (tidak bermakna mereka maksum), kajian mereka telah dimulakan sejurus selepas tamatnya pilihan raya terdahulu. Kebenaran sejarah membuktikan apa yang berlaku semasa dan selepas pilihan raya terdahulu akan mempengaruhi corak dan keputusan pilihan raya berikutnya (pada tahap dan keadaan tertentu). Mereka mengikuti perkembangan semasa (politik, ekonomi dan sosial) secara komprehensif dalam tempoh masa yang relatif panjang. Meskipun kajian mereka telah dimulakan sejak awal lagi, mereka tidaklah semestinya mewar-warkan kajian mereka kepada sesiapa pun kerana hari tetap siang biarpun ayam tidak berkокok.

## Kesimpulan

Komentar ini ibarat setitis air hujan yang jatuh ke dalam sebuah tasik yang terletak di antara dua lembah pergunungan. Menerusi wasilah ini, penulis telah mempertemukan wacana kepolitikan pemikir unggul Melayu (Alattas, Za'ba dan Hamka) dengan pemikir ulung antarabangsa (Sun Tze, Ibnu Khaldun dan Rolf Dobelli) sebagai warisan keintelektualan tersohor untuk dihadami bersama dalam arena keilmuan holistik. Dengan menekuni idea-idea genius mereka, kita pasti mendapat manfaat ilmiah untuk memberhasilkan analisis *kritistruktif* politik (khasnya analisis prapilihan raya), sekali gus mengajukan mancaramalan autoritatif, sekalipun dalam segala mandala keterbatasannya: Spekulatif dan subjektif. Jika tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya. Kita mungkin bertoleransi dengan analisis dan prognosis yang kontroversial (dalam keadaan dan takat tertentu), tetapi ini tidaklah merangkumi prognosis cacamarba (cuai dan cincai) dan analisis *indiviologikal* (bertopengkan motif peribadi dan politik). Analisis prapilihan raya harus memenuhi empat prasyarat iaitu eksploratif, elaboratif, ekstraktif dan ekstrapolatif. Sementara itu, ramalan prapilihan raya yang berhasil menerusi analisis *kritistruktif*, bukanlah ramalan dalam bentuk dan cara penujuman, pemujaan atau mistikisme, tetapi ramalan berdasarkan fakta (sejarah pilihan raya) dan bukti semasa (pilihan raya sebenar) yang dapat memberikan pencerahan (petunjuk dan panduan) tentang pelbagai kemungkinan corak keputusan pilihan raya. Justeru, penganalisis berwibawa bukan setakat mengajukan persoalan tertentu, malah lebih penting lagi, pada langkah dan tahap selanjutnya, dia harus menyoal persoalan yang diajukannya sendiri. Dalam konteks ini, ramalan dapat berperanan sebagai alat

pengesahan terhadap kewibawaan analisis (prapilihan raya), tetapi ramalan bukanlah alat pemuktamad. Untuk membendung wabak analisis tipulogi, kita memerlukan platform khas – Forum Analisis Negara. Forum ini perlu ditubuhkan di setiap universiti untuk mengupas pelbagai isu dan persoalan kenegaraan secara ilmiah, bergerak aktif merangkumi intrauniversiti dan inter-universiti (merentasi media massa dan media maya), untuk menyemarakkan wacana kritisstruktif dalam suasana harmoni, dengan menjunjung budaya kebebasan akademik. Orang yang hebat tidak semestinya terkenal. Orang yang bijaksana tidak semestinya menonjolkan diri.

## Nota

- <sup>1</sup> Ini merupakan ungkapan kefalsafahan – pengertiannya telah jelas dengan sendirinya.
- <sup>2</sup> Ini merupakan ungkapan kefalsafahan – pengertiannya telah jelas dengan sendirinya.
- <sup>3</sup> Ini merupakan ungkapan kefalsafahan – pengertiannya telah jelas dengan sendirinya.
- <sup>4</sup> Ini merupakan ungkapan kefalsafahan – pengertiannya telah jelas dengan sendirinya.

## Rujukan

- Abu Ays. Dilayari daripada <http://www.jasduit.com>
- Awang Azman Awang Pawi. Dilayari daripada <https://sarawakvoice.com>
- Awang Bolkiah Ali. Dilayari daripada <https://sarawakvoice.com>
- Dobelli, R. (2015). *The art of thinking clearly*. Batu Caves: PTS Publishing House.
- FMT Reporters, <http://www.free.malaysiatoday.com>
- Fung Yu-Lan. (2006). *Sejarah ringkas falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamka. (2006). *Islam: Revolusi ideologi & keadilan social*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Hodgson, M.G.S. (2004). *Kebangkitan Islam*. Jilid I-III, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Khaldun. (2002). *Mukadimah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Imam Fakhruddin Ar-Razi. (2015). *Kitab firasat*. Jakarta: Khazanah Pustaka Islam.
- Kadir Dikoh. Dilayari daripada <http://www.bhplus.com.my/kolumnis>
- Merdeka Centre. Dilayari daripada <http://merdeka.org>.
- Penyu Sakti. Dilayari daripada <https://penyusakti.wordpress.com>
- Rafizi Ramli-Invoke. Dilayari daripada <http://rafiziramli.com>
- Suku sakat hang tuah. Dilayari daripada <http://sukusakat-hangtuah.blogspot.com>
- Sun Tzu. (2004). *The art of war*. London: Arcturus Holdings Limited.
- Syed Hussein Alattas. (1991). *Mitos peribumi malas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Za'ba. (1980). *Falsafah takdir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.